



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

LEBIH 13 RIBU AHLI SKUAD WAJA BERDAFTAR DI NEGERI SELANGOR

SEPANG – YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini melancarkan Majlis Perasmian Program Semarak Skuad Waja Negeri Selangor 2022. Sehingga 30 Jun 2022, Negeri Selangor mencatatkan seramai 13,480 ahli Skuad Waja berdaftar yang terdiri daripada 12,654 wanita dan 826 lelaki menjadikan jumlah keseluruhan ahli Skuad Waja berdaftar seramai 323,515 orang.

Menurut YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, program psikososial dan turun padang ini adalah untuk menyampaikan mesej tentang peranan penting Skuad Waja sebagai penggerak utama sukarelawan dalam komuniti dan sebagai *'first responder'* dalam menangani isu-isu yang berlaku dalam masyarakat. Menerusi Program Psikososial, Skuad Waja juga telah menyantuni dan membantu seramai 71,113 orang.

YB Datuk Seri Rina yakin pelaksanaan Program Skuad Waja ini membuktikan kewujudan sinergi yang baik di antara pihak kerajaan dengan komuniti dalam menangani isu keganasan terhadap wanita. Penubuhan Skuad Waja akan menjadi tunjang kekuatan baharu KPWKM dalam menjayakan agenda pemerkasaan Keluarga Malaysia. Justeru, semua inisiatif dan program yang dilaksanakan oleh KPWKM melalui program Skuad Waja ini perlu digiatkan lagi dan disebarluaskan untuk membantu mangsa keganasan.

Penglibatan kaum lelaki sebagai Skwad Waja amatlah digalakkan kerana ia memberi gambaran bahawa isu menangani keganasan terhadap wanita adalah isu bersama. Keahlian terbuka kepada warga Malaysia berumur 18 tahun ke atas. Setiap ahli Skwad Waja yang mendaftar diberikan panduan melalui Modul Skwad Waja yang telah dibangunkan oleh JPW dengan kerjasama Institut Sosial Malaysia (ISM) untuk memberi bantuan dan bimbingan awal kepada mangsa.

Pihak KPWKM menyeru agar lebih banyak warga Malaysia mendaftar sebagai Sukarelawan Skwad WAJA, untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) Selangor atau mendaftar di pautan <https://www.rebrand.ly/pendaftaranskuadWAJA> atau <https://www.jpw.gov.my/>

####

Disediakan oleh	:	Unit Komunikasi Korporat Jabatan Pembangunan Wanita No. 55, Persiaran Perdana Presint 4, PUTRAJAYA
No.Telefon	:	03-8323 2106
Tarikh dikeluarkan	:	30 Julai 2022